



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERLINDUNGAN SOSIAL DAN PENCEN BAGI GOLONGAN WARGA EMAS

Kementerian Sumber Manusia (KSM), yang bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan dan kebajikan tenaga kerja di negara ini termasuk pekerja asing, sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan kesejahteraan golongan pekerja termasuk selepas persaraan mereka.

Di Malaysia, umur persaraan ditetapkan pada 60 tahun dan isu yang membelenggu negara sekarang bukan sahaja ketidakcukupan wang simpanan hari tua atau menjelang persaraan pekerja, malah kira-kira 40 peratus daripada tenaga kerja tempatan tidak mempunyai perlindungan sosial di waktu persaraan.

KSM sedar akan hal berkenaan kerana Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi KSM yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial terutamanya kepada golongan pekerja, mengalami peningkatan tuntutan faedah Pencen Ilat daripada pencarum yang berusia antara 55 hingga 60 tahun, walaupun tidak kesemua pemohon mengalami keilatan. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, terdapat lonjakan 57 peratus permohonan pencarum PERKESO untuk Pencen Ilat dan kira-kira 80 peratus daripada permohonan tersebut telah ditolak oleh Jemaah Doktor kerana mereka didapati tidak mengalami keilatan. Adakah ini antara petunjuk kepada golongan pekerja yang tidak mempunyai simpanan hari tua yang mencukupi?

Permohonan Pencen Ilat dari kalangan pencarum berumur 55 tahun ke atas ini dipercayai sebagai ‘insurans’ bagi usia tua mereka apabila mereka tidak lagi bekerja, seiring dengan senario peningkatan jumlah warga emas dan kemiskinan di kalangan

golongan ini di negara kita. Pola peningkatan tuntutan Pencen Ilat juga telah mempengaruhi kemampuan dana Skim Keilatan PERKESO di mana iaanya dijangka akan menjelaskan keseluruhan dana keselamatan sosial PERKESO pada tahun 2035. Selain itu, sistem kumpulan wang simpanan yang dilaksanakan ketika ini hanya semakin melebarkan jurang pendapatan, apabila individu kaya semakin kaya, manakala individu yang miskin kekal miskin.

Sehubungan dengan itu, saya telah mengarahkan PERKESO untuk mengkaji pewujudan Skim Pencen Warga Emas (SPWE) bagi jaringan keselamatan sosial selepas persaraan untuk menangani isu penuaan serta kemiskinan di kalangan warga emas di Malaysia.

Bagi melaksanakan dana pencen berdasarkan caruman ini, kita mencadangkan skim ini dibuka kepada pekerja sedia ada secara sukarela, kemasukan baharu ke pasaran buruh dengan memastikan skim ini berciri mudah alih, dan juga dibuka kepada pengambilan baharu dalam sektor awam untuk menjadikan ia sebagai skim pencen yang '*universal*'.

Dengan ciri-ciri tersebut, SPWE ini akan menjadi satu skim pencen kebangsaan untuk semua pekerja dalam sektor swasta dan awam serta individu bekerja sendiri di mana ciri mudah alihnya (*portability*) akan menggalakkan pekerja bergerak dari satu sektor ke sektor lain tanpa menjelaskan perlindungan selepas persaraan mereka.

Justeru, usaha awal dirintis menerusi kajian kebolehlaksanaan SPWE berdasarkan sistem caruman. Kajian telah bermula pada April lalu dan dijangka siap pada Disember ini. Kajian ini merangkumi empat (4) peringkat, iaitu analisis latar belakang kajian, draf awal reka bentuk skim, pelaksanaan kajian aktuari dan yang terakhir ialah proses penyediaan kertas dasar serta perundangan.

Demi memastikan keberkesanan dan keterangkuman pelaksanaan SPWE, kita perlu membuat perbandingan dengan skim pencen warga tua sedia ada yang komprehensif dan mantap di beberapa negara di rantau ini seperti Jepun, Korea Selatan, Vietnam dan Thailand.

Untuk pelaksanaan SPWE di Malaysia, adalah dicadangkan pentadbiran untuk kutipan, penguatkuasaan undang-undang, pembayaran faedah, dan pelaburan dana keselamatan sosial diselaraskan di bawah satu agensi perlindungan sosial yang merentasi KWSP, KWAP, PERKESO, LHDN dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

Saya percaya dengan pengalaman PERKESO menguruskan Skim Keilatan dan pembayaran bulanan Pencen Ilat, PERKESO boleh menyelaras penamatan pembayaran Pencen Ilat apabila pembayaran SPWE bermula, manakala KWSP pula boleh menguruskan kutipan dan pelaburan dana SPWE.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
14 JULAI 2023**